

09/05/2000

Hari Guru: Perak buat persiapan teliti

Syuhada Choo Abdullah

KIRA-kira 1,000 warga pendidik dijemput menghadiri majlis pelancaran sambutan Hari Guru 2000 peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadualkan berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, 16 Mei ini.

Daripada jumlah itu, 700 jemputan dikhaskan untuk warga tuan rumah dari kalangan pegawai pendidikan, pengetua, guru besar, guru, wakil pertubuhan keguruan, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), serta wakil rakyat.

Justeru bagi memastikan kelancaran sambutan gemilang kali ke-29 itu, sebuah jawatankuasa pelaksana dibentuk sebaik saja dimaklumkan keputusan memberi penghormatan kepada Perak menjadi tuan rumah sambutan Hari Guru tahun ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak, Ahmad Zainuddin Othman, berkata, majlis itu tentunya ditunggu-tunggu oleh warga pendidik seluruh negara bertepatan dengan agenda Tahun Melawat Negeri Perak tahun ini.

Sehubungan itu, Ahmad Zainuddin berkata, persiapan teliti perlu dibuat supaya terpahat sejarah dan juga kenangan manis kejayaan Perak menjadi tuan rumah sambutan peringkat kebangsaan kali ini.

Beliau berkata, pihaknya bersedia menunaikan tanggungjawab itu sebaik mungkin dengan kerjasama pelbagai pihak lain dalam jawatankuasa pelaksana berkenaan.

Selain keahlian dari kalangan warga pendidik, katanya, jawatankuasa pelaksana itu turut membabitkan tenaga bantuan daripada pelbagai agensi lain seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan, polis, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kerjasama itu penting supaya sebarang masalah yang timbul dapat ditangani bersama pihak terbabit, terutama dari segi keperluan peralatan mahupun kemudahan tertentu.

"Setakat ini, jawatankuasa pelaksana perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan 2000 sudah bermesyuarat tidak kurang daripada empat kali bagi memastikan segala tugas serta perancangan jawatankuasa kecil adalah selaras dan kemas," katanya ketika ditemui Berita Harian di Ipoh, baru-baru ini.

Menurut Ahmad Zainuddin, antara jawatankuasa kecil yang dibentuk dalam jawatankuasa pelaksana itu membabitkan bidang tugas tersendiri seperti sambutan dan protokol, majlis perasmian, keselamatan dan lalu lintas, jamuan, persembahan, hadiah, persiapan dan peralatan serta publisiti.

Katanya, penekanan utama diberi kepada usaha untuk menentukan bahawa majlis tahunan itu berlangsung dengan lancar tanpa berlaku sebarang gangguan yang mencacatkan kemeriahan dan kegembiraan hadirin.

"Tujuannya ialah supaya semua tetamu yang menghadiri majlis itu menerima sambutan sebaik mungkin serta memuaskan sehingga mereka bersurai dengan suatu kenangan manis," katanya.

Mengenai sebarang kelainan ataupun keistimewaan yang cuba diketengahkan dalam majlis perayaan peringkat kebangsaan kali ini pula, Ahmad Zainuddin berkata untuk pertama kalinya, persembahan Koir Guru akan diiringi oleh Orkestra Muda Bainun dari Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun di Ipoh.

Satu-satunya kumpulan orkestra sekolah tanah air itu akan mengiringi Koir Guru untuk mempersembahkan lagu Guru Malaysia, Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan dan Negaraku.

(END)

